

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/09 /2017

'Tingkat kemahiran bahasa Melayu bila tambah SJKC'

BH-17/9/2017 pg.3

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sedia meluluskan pembinaan lebih banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di kawasan pertumbuhan baharu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, pertimbangan itu akan diperhalusi pada mesyuarat antara parti komponen dalam tempoh terdekat.

"Saya akan jadikan permintaan ini kenyataan (membina lebih banyak SJKC di kawasan pertumbuhan baharu).

"Saya jadi shou xiang (Perdana Menteri) hanya untuk tempoh sembilan tahun, tetapi sudah luluskan peruntukan lebih banyak berbanding pemimpin yang menerajui negara selama 22 tahun.

"Satu yang saya minta adalah teguhkan kemahiran penguasaan ba-

hasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan apabila jumlah SJKC ditambah," katanya ketika menghadiri Perhimpunan Patriotik Masyarakat Cina, semalam.

Yang turut hadir Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Keong; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei dan atlet terjun negara, Cheong Jun Hoong.

Ramuan perpaduan

Najib berkata, prasyarat itu bagi memastikan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Cina tidak ketinggalan, khususnya ketika mengendalikan urusan rasmi.

"Dulu, bila saya jadi Menteri Besar Pahang, ada wakil rakyat daripada masyarakat Cina yang tidak mampu

bertutur dalam bahasa Melayu.

"Janganlah guna perkataan 'gua' dan 'lu' dalam urusan rasmi, sehingga tersasul menyebut Ke Bawah 'Luli' Tuanku.

"Kemahiran berkomunikasi adalah ramuan perpaduan di Malaysia, justeru sahut saranan ini seiring kesediaan kerajaan untuk menambah pembinaan SJKC," katanya yang disahut sorakan lebih 16,000 hadirin di Dewan Tun Razak 1, dekat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Suarakan sokongan kepada BN

Menyentuh soal pembangunan negara, Najib berkata, kerajaan sedar mengenai dua kehendak masyarakat Cina, iaitu peluang ekonomi dan pendidikan berkualiti.

Bagaimanapun, katanya, kehendak itu hanya mampu dipenuhi jika ne-



Kemahiran berkomunikasi adalah ramuan perpaduan di Malaysia, justeru sahut saranan ini seiring kesediaan kerajaan tambah pembinaan SJKC"

Najib Razak,
Perdana Menteri

gara berada dalam keadaan yang harmoni dan aman, selain mempunyai kestabilan sistem pemerintahan.

"Oleh itu, suarakan sokongan masyarakat Cina kepada BN untuk kita terus membangun secara bersama, berbanding termakan dakyah pembangkang yang bertali arus mempertikaikan usaha kerajaan.

"Prinsip pembangkang mudah, ia itu jika gagal yakinkan pengundi, mereka akan kelirukan minda anda supaya tidak mampu tentukan pihak mana yang betul dan salah.

"BN adalah kerajaan yang mengamalkan konsep kesederhanaan, progresif dan adil, justeru terjemahkan kepercayaan anda untuk kita maju bersama bagi merealisasikan impian menjadikan Malaysia berada dalam kelompok 20 negara terunggul di dunia," katanya.